

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28/3/2012

OSMAN ADNAN | BERITA HARIAN



BH - 28/3/2012

Dr M terima Anugerah Tokoh Pereka Negara

Tun Dr Mahathir Mohamad menerima Anugerah Tokoh Pereka Negara pada Majlis Pengiktirafan Malaysia Good Design Mark (MGDM) 2011 di Shah Alam, malam tadi. Anugerah berkenaan bagi menghargai sumbangan bekas Perdana Menteri itu yang membangunkan Malaysia menerusi bidang inovasi reka bentuk seperti pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Menara Berkembar Petronas Kuala

Lumpur (KLCC), Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Ia juga bagi menghargai jasa Dr Mahathir menubuhkan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) pada 1993 bertujuan meningkatkan daya saing produk keluaran tempatan menerusi inovasi. Anugerah berkenaan disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.